

KOSMO!

TARIKH : 1 OGOS 2025

PERKARA : SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP)

MUKA SURAT : 8

Penempatan guru baharu lepasan PISMP dilaksana September



FADHLINA

KUALA LUMPUR – Penempatan guru baharu menerusi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dijangka dilaksanakan September ini.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, langkah tersebut bagi mengisi kekosongan jawatan guru di sekolah, namun pelaksanaannya akan dilakukan selepas menerima senarai calon yang telah diperakui oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Menurut Fadhlina, seramai

5,256 orang dan semua graduan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) lepasan PISMP telah berjaya diberikan penempatan ke seluruh negara pada 30 September 2024.

“Bagi tahun 2025, penempatan guru baharu PISMP dijangka akan dilaksanakan pada bulan September dan tertakluk kepada keputusan temu duga oleh SPP,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan

Kalam Salan (**PN-Sabak Bernam**) yang meminta menyatakan setakat mana peratusan siswa lepasan IPG dapat penempatan yang mereka mohon dan apakah ukuran yang diambil kira dalam proses penempatan mereka.

Mengulas lanjut, Fadhlina berkata, dalam menguruskan penempatan guru baharu, ia perlu mengikuti keutamaan pendidikan dan beberapa segmen khusus yang menjadi keutamaan KPM agar memenuhi aspirasi

keutamaan pendidikan.

“Penempatan guru baharu ditentukan berdasarkan beberapa faktor termasuk pilihan negeri yang dikemukakan semasa proses pengemaskinian maklumat diri.

“Penempatan mengikut lokaliti khususnya bagi calon dari Sabah dan Sarawak serta calon Orang Asli bagi membolehkan mereka berkhidmat berhampiran kampung halaman dan menyokong pembangunan pendidikan luar bandar,” katanya.